

ETIKA KESARJANAAN MUSLIM MENURUT AKHLAK ISLAM (The Ethics of Muslim Scholars from Islamic Character Perspective)

AMINUDIN BASIR@ AHMAD*
JAMSARI ALIAS

Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Penghayatan etika yang mulia di kalangan sarjana melambangkan keberkatan dan kebenaran ilmu yang dimiliki. Realiti masa kini menunjukkan isu pelanggaran etika kesarjanaan masih terus berlaku. Dalam konteks akidah Islam, ilmu adalah amal yang akan dipersoalkan oleh Allah di hari akhirat. Melihat kepada kepentingan permasalahan yang berlaku, maka artikel ini dihasilkan. Bagi mendapatkan fakta dan penemuan berkaitan etika kesarjanaan Muslim menurut akhlak Islam, metode analisis dokumen digunakan. Hasil kajian mendapati para sarjana Islam terdahulu amat menitikberatkan soal etika ini. Hakikat ini terbukti menerusi karya-karya yang dihasilkan terutamanya di kalangan sarjana hadis. Hasil kajian ini juga memperincikan dengan jelas beberapa aspek etika yang perlu diamalkan oleh sarjana Islam dalam usaha memartabatkan ilmu pengetahuan.

Kata Kunci: etika, kesarjanaan Muslim, akhlak

ABSTRACT

Appreciation of noble ethics among scholars symbolizes the blessings and the truth of knowledge they possess. The current reality shows that scholarly ethics violation remains as an issue. In the context of Islamic belief, knowledge is an act of deed that to be questioned by Allah in the Hereafter. Looking into the importance of the arising problems, this article is produced. A method

*Corresponding author: Aminudin Basir@ Ahmad, Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia, E-Mail: binamanhaj@yahoo.com
Diserahkan: 21 Mei 2012
Diterima: 27 Julai 2012
DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2012-0402-03>

of document analysis is applied to obtain the relevant facts and findings in accordance with moral ethics of Islam among Muslim scholars. The results showed that the early Muslim scholars are emphasizing this moral ethics firmly. This fact is evidenced by the works produced primarily among the scholars of hadis. This study also clearly characterizes the ethical aspects that need to be practiced by Muslim scholars in order to elevate knowledge and put it at the esteemed place.

Keywords: ethics, Muslim Scholars, character

PENDAHULUAN

Dari perspektif Islam, sarjana mempunyai kedudukan yang mulia lantaran berperanan sebagai agen pembangun dan pembina tamadun mencakupi aspek material dan spiritual. Lebih jauh dari itu, tanggungjawab mereka adalah untuk menjelaskan kepada manusia amalan-amalan mulia dalam pelbagai bidang yang menjadi sebab kejayaan hidup di dunia lebih-lebih lagi di akhirat. Mereka juga bertanggungjawab memperingatkan manusia dari melakukan amalan-amalan buruk yang memberi kesan negatif dalam kehidupan di dunia dan impak yang besar di akhirat.

Kejayaan sebenar para sarjana dalam membina tamadun bergantung kepada nilai-nilai etika yang diamalkan. Seandainya etika yang diamalkan itu menepati garis panduan akhlak Islam maka pastinya tamadun berjaya dibangunkan dengan cemerlang serta mendapat balasan baik dari Allah. Kecemerlangan ini jelas tergambar ketika tamadun Islam berkembang sehingga ke Sepanyol dengan melahirkan ramai sarjana Muslim yang menjadi guru kepada sarjana Barat. Keadaan ini memperlihatkan bahawa etika kesarjanaan itu adalah asas terpenting yang akan memastikan kejayaan atau kegagalan pembinaan sesuatu tamadun itu. Justeru, artikel ini berhasrat untuk meninjau dan mengupas aspek etika kesarjanaan Muslim menurut akhlak Islam.

KAJIAN LALU

Dalam sejarah kesarjanaan Islam, ahli hadis adalah golongan yang mempelopori bidang kajian berkaitan etika kesarjanaan Muslim berlandaskan dasar-dasar akhlak Islam. Kajian dilakukan bertujuan menentukan kriteria-kriteria yang mempunyai kaitan langsung terhadap riwayat sesebuah hadis bagi menentukan sama ada untuk diterima atau tidak.

Kajian terawal berkaitan etika kesarjanaan Islam ini dapat dikesan melalui penulisan yang dikemukakan oleh al-Ajurriy (1987) menerusi karya beliau yang berjudul *Akhlak al-Ulamak*. Al-Ajurriy telah menerangkan beberapa

aspek etika yang perlu diamalkan oleh para sarjana antaranya seperti berniat ikhlas dan berkata benar. al-Baghdadiy melalui beberapa karya beliau seperti *al-Faqih wa al-Mutafaqih* (2000), *al-Jami Li Akhlaq al-Rawiy wa adab al-Saami'* (1983) dan *Iktidha' al-'Ilm al-'Amal*. Melalui karya beliau, al-Khatib dengan jelas telah menggariskan beberapa etika yang perlu oleh dihayati oleh para sarjana antaranya seperti etika dalam menyampaikan hadis, etika berpakaian serta kewajipan menjaga maruah diri. Selain itu beliau (1975) turut mengarang sebuah buku berkaitan pembinaan jaringan dan pengembaraan dari kalangan sarjana ahli hadis yang berjudul *al-Rihlah Fi Talabi al-Hadith*.

Seorang lagi tokoh yang menulis tentang aspek ini termasuklah Ibn 'Abd al-Bar (1994) yang mengarang karya berjudul *Jami'u Bayani al-'Ilm wa Fadlihi*. Ibn 'Abd al-Bar antara lain membicarakan tentang sifat ikhlas dalam usaha mencari ilmu termasuk menjelaskan ancaman balasan neraka bagi mereka yang tidak jujur dalam usaha mencari ilmu pengetahuan. Beliau juga turut menyentuh soal menjauhi perdebatan yang tidak mendatangkan faedah. Kajian dan penulisan berkaitan etika dan akhlak kesarjanaan ini mendapat tempat dan sambutan hebat dari kalangan ilmuwan Islam.

KEPENTINGAN ETIKA

Etika bermaksud beberapa peraturan yang telah ditetapkan untuk dipatuhi oleh individu mahupun ahli kumpulan dalam sesuatu bidang seperti dalam bidang perubatan yang disebut sebagai etika dalam perubatan (Collins 2009). Etika juga ditakrifkan sebagai disiplin tertentu dalam menentukan apa yang baik dan yang buruk berkaitan dengan moral. Ini bermakna etika adalah peraturan yang berkaitan dengan tingkah laku dalam menentukan baik atau buruk.

Akhlaq pula adalah kata jamak daripada perkataan *khuluq* yang bermaksud keadaan dalaman diri yang terbit darinya berbagai tingkah laku yang baik atau buruk dengan sendirinya tanpa perlu difikirkan. Terdapat tingkah laku yang zahir dengan secara sendirinya seperti perasaan marah dan takut. Ada pula tingkah laku yang zahir menerusi didikan dan latihan sehingga tingkah laku tersebut menjadi kebiasaan (Ibrahim Mustafa t.th). Jika ditinjau dari sudut penggunaan dalam al-Quran dan Sunnah, akhlak merujuk kepada keyakinan hati seperti perkara-perkara akidah, amalan-amalan hati seperti ikhlas, sabar dan reda, cetusan pemikiran seperti pandangan dan idea, tingkah laku yang zahir seperti solat, bersedekah, usaha mencari ilmu dan sebagainya.

Perkara ini disebut dalam al-Quran ketika Allah SWT menjelaskan tentang akhlak Rasulullah saw menerusi firman Allah dalam surah al-Qalam ayat 4 bermaksud:

Dan sesungguhnya kamu benar-benar berbudi pekerti (khuluq) yang agung.

Dalam hal ini, Aisyah r.a sendiri memperakui bahawa akhlak baginda Rasulullah saw adalah al-Quran. Ini membuktikan bahawa akhlak dari perspektif Islam dasarnya adalah berasaskan al-Quran dan al-Sunnah. Bidangnya amat luas mencakupi setiap amalan yang zahir dan batin serta tingkah laku zahir manusia. Akhlak juga berkaitan langsung dengan balasan pahala dan dosa di dunia serta balasan syurga atau neraka di akhirat. Jika ditinjau perbezaan antara etika dan akhlak, etika adalah merujuk kepada aspek tingkah laku zahir dan batin yang berkaitan dengan kegiatan atau aktiviti tertentu individu yang mana nilai baik dan buruknya hanyalah ditentukan oleh pertimbangan akal dan perasaan semata-mata. Sementara akhlak pula adalah berkaitan dengan seluruh kegiatan dan amalan manusia yang zahir mahupun yang batin dan mempunyai nilai pahala dan dosa serta mendapat pembalasan di akhirat. Ini bermakna, etika itu sendiri adalah merupakan sebahagian dari akhlak. Akhlak akan menentukan nilai yang benar terhadap sesuatu etika itu.

Dalam konteks perbincangan ini, etika merujuk kepada aspek amalan zahir dan batin serta tingkah laku zahir yang perlu ada pada diri seseorang sarjana secara khususnya berkaitan dengan kesarjanaan. Etika tersebut akan ditinjau menurut perspektif dan dasar akhlak Islam.

Dari perspektif Islam, etika mempunyai kaitan langsung dengan kualiti dan kebenaran sesuatu ilmu. Bahkan, dari aspek disiplin pengajian ilmu hadis tokoh-tokoh besar dalam disiplin tersebut amat menitik beratkan soal etika ini serta tegas dalam memberi penilaian aspek tersebut terhadap individu yang meriwayatkan dan yang menyampaikan hadis. Ini terbukti apabila munculnya satu cabang khusus dalam ilmu hadis yang dikenali sebagai *al-Jarh wa al-Ta'dil*. Ilmu ini secara asasnya menjelaskan dua aspek utama berkaitan latar belakang perawi hadis iaitu menyentuh aspek keadilan perawi mencakupi akhlak dan etika yang terpuji dan juga aspek *al-Jarh* iaitu sifat-sifat negatif seperti berbohong dan maruah diri yang rendah. Seterusnya sifat-sifat tersebut memberi kesan langsung terhadap hadis yang dibawa oleh mereka samada untuk diterima atau ditolak. Ini membuktikan bahawa aspek akhlak dan etika berkait secara langsung dengan kesarjanaan seseorang dan juga menggambarkan tahap pegangan agamanya. Hakikat ini ditegaskan oleh Muhammad Ibn Sirin dalam konteks menerima hadis yang merupakan sumber kedua agama sepertimana yang diriwayatkan oleh Imam Muslim (dalam al-Nawawiy t.th):

إن هذا العلم دين، فانظروا عمن تأخذون دينكم

Sesungguhnya ilmu ini (hadis) adalah agama, maka hendaklah kamu melihat dari siapakah kamu mengambil ajaran agama kamu.

Dari sudut sejarahnya, para sahabat Rasulullah saw selepas kewafatan baginda tidak mempersoalkan mana-mana individu yang menjelaskan hadis-hadis Rasulullah SAW, begitu juga di kalangan para Tabiin yang meriwayatkan hadis-hadis dari para sahabat. Situasi ini berlanjutan sehinggalah timbulnya fitnah yang mula kelihatan pada penghujung zaman pemerintahan Khalifah Uthman Ibn 'Affan dan permulaan zaman Khalifah Ali r.a. sekitar tahun 40 Hijrah (al-Siba'iy 1985). Pemalsuan terhadap hadis-hadis mula kelihatan terutama apabila muncul golongan Syiah yang diasaskan oleh Abdullah Ibn Saba' seorang berbangsa Yahudi dengan menimbulkan doktrin palsu bahawa Ali r.a adalah Tuhan (al-Baghdadiy t.th; al-Siba'iy 1985). Sejak dari para sahabat dan juga para ulama Ahli Sunnah dari kalangan al-Tabi'in mula lebih berhati-hati, cermat dan lebih teliti untuk menerima sesuatu hadis untuk diriwayatkan dari individu tertentu. Menurut Ibn Sirin, untuk tujuan tersebut mereka mula menyelidik akhlak dan etika para perawi, sekiranya perawi itu adalah dari kalangan Ahli Sunnah yang amanah dan adil hadis mereka akan diriwayatkan, sebaliknya jika para perawi tersebut dari kalangan golongan yang menyeleweng hadis mereka akan ditolak (al-Nawawiy t.th).

Memandangkan persoalan akhlak dan etika ini berkait rapat dengan hadis sebagai sumber ilmu yang dibawa maka Ibn al-Mubarak meletakkan perkara tersebut termasuk dalam sebahagian dari agama yang dapat mengenal pasti kebenaran hadis yang disampaikan oleh seseorang (al-Nawawiy t.th). Dalam erti kata lain, akhlak dan etika amat signifikan dengan kesjarjanaan. Menyedari akan kepentingan ini, para sarjana hadis dengan penuh rasa tanggungjawab menyelidik dan menulis karya-karya asas berkaitan aspek akhlak dan etika ini. Mereka berjaya dengan cemerlang membangunkan pangkalan data yang memuatkan lebih puluhan ribu senarai nama individu yang turut memuatkan penjelasan dan kritikan secara profesional terhadap latar belakang akhlak dan etika sebagai rujukan dalam menentukan status sesuatu hadis yang diriwayatkan. Dengan kata lain disiplin tersebut dikenali sebagai *al-Jarh wa al-Ta'dil*.

Menurut al-Siba'iy (1985), menyelidik dan menilai akhlak dan etika bagi menentukan penerimaan sesuatu hadis telah bermula sejak zaman *sighar al-Sahabat* iaitu secara umum dalam tempoh masa sekitar 40 Hijrah hingga 86 Hijrah, mereka yang terlibat adalah seperti Ibn Abbas (m 68H), 'Ubadah Ibn Samit (m 34H), Anas Ibn Malik (m 93H), dari kalangan Tabiin pula adalah seperti Sa'id Ibn al-Musayyab (m 93H), al-Sya'biy (m 104H), Ibn Sirin (m. 110H), al-A'mash (m 148H).

ILMU PENGETAHUAN DAN KEMULIAAN SARJANA

Islam menyanjung tinggi ilmu pengetahuan serta memuliakan para sarjananya. Dalam hubungan Allah SWT mengangkat martabat ilmu dan ahlinya di satu kedudukan yang amat tinggi di sisi-Nya. Perkara ini ditegaskan oleh Allah dalam surah al-Mujadalah ayat 11 bermaksud:

Allah meninggikan orang-orang yang beriman di antaramu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa derajat dan Allah Maha mengetahui dengan mendalam terhadap apa yang kamu kerjakan.

Menurut al-Qurtubiy (2002), maksud meninggikan dalam ayat tersebut merujuk kepada dua perkara, iaitu mendapat ganjaran pahala yang besar di akhirat dan mendapat kemuliaan di atas dunia. Ayat tersebut selain menunjukkan terdapat perbezaan antara orang yang beriman dengan orang yang tidak beriman ia juga menjelaskan perbezaan martabat antara orang yang berilmu dengan individu yang tidak berilmu. Ayat ini juga menerangkan bahawa kedudukan seseorang itu di sisi Allah adalah berasaskan tahap ketinggian ilmu dan imannya.

Tidak dapat diragukan lagi ketinggian kedudukan para sarjana di sisi Allah SWT. Kemuliaan mereka bergantung kuat dengan ketinggian ilmu pengetahuan dan juga amalan yang merupakan tuntutan dari iman. Jika diperhalusi kenyataan al-Qurtubiy di atas, jelas menunjukkan perbezaan antara sarjana yang beriman dengan sarjana yang tidak beriman. Bagi sarjana yang beriman mereka memperoleh dua kebaikan iaitu mendapat kemuliaan di dunia sementara di akhirat mendapat balasan syurga. Sementara sarjana yang tidak beriman hanya memperoleh kedudukan di dunia sahaja dan tidak mendapat sebarang kemuliaan di akhirat.

Dalam ayat lain pula Allah SWT meletakkan kedudukan sarjana yang beriman ini sebagai saksi terhadap keesaan-Nya. Perkara ini disebut oleh Allah dalam surah Āl-Imran ayat 18 bermaksud:

Allah bersaksi bahawa tidak ada Tuhan melainkan Dia (yang berhak disembah), para malaikat dan orang-orang yang berilmu (juga menyatakan yang demikian itu) dengan adil. Tidak ada Tuhan melainkan Dia. (Tuhan) yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

Ayat di atas menjelaskan kemuliaan sarjana yang beriman lantaran nama mereka disertakan oleh Allah SWT sebagai saksi terhadap keesaan-Nya selepas disebut nama para malaikat sebagai saksi (al-Shawkaniy 1995). Orang yang berilmu dalam ayat di atas merujuk kepada para sarjana yang beriman

yang memahami isi kandungan al-Quran dan al-Sunnah (al-Shawkaniy 1995). Lantaran itu, mana-mana bidang ilmu pengetahuan yang asasnya terbina dari penjelasan al-Quran dan al-Sunnah berupaya membawa manusia mengenal kebesaran Allah serta dapat meningkatkan keimanan seseorang. Hakikat ini menuntut para sarjana mendalami isi kandungan al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber asas ilmu pengetahuan yang benar.

Para sarjana juga digolongkan dari kalangan mereka yang hanya takut kepada Allah s..w.t hasil dari ilmu yang dimilikinya diperoleh sama ada yang bersifat *maqrū'ah* yang terkandung dalam al-Quran ataupun ayat-ayat *manzurah* iaitu memerhati, menyelidiki dan berfikir terhadap kejadian alam ciptaan-Nya yang hebat dan mengagumkan, Perkara ini ditegaskan oleh Allah SWT dalam surah Fatir ayat 27 dan 28 yang bermaksud:

Tidakkah kamu melihat bahawasanya Allah menurunkan hujan dari langit lalu kami hasilkan dengan hujan itu buah-buahan yang beraneka macam jenisnya dan di antara gunung-gunung itu ada garis-garis putih dan merah yang beraneka macam warnanya dan ada (pula) yang hitam pekat. Dan demikian (pula) di antara manusia, binatang-binatang melata dan binatang-binatang ternak ada yang bermacam-macam warnanya (dan jenisnya). Sesungguhnya yang takut kepada Allah di antara hamba-hambanya, hanyalah ulama. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Pengampun.

Menurut al-Baghawiy (1993), Ibn 'Abbas menjelaskan bahawa mereka yang takut kepada Allah hanyalah dari kalangan hambanya yang berilmu tentang kebesaran, kemuliaan dan kekuasaan Allah sahaja. Lantaran itu menurut al-Sya'biy sifat seorang sarjana yang beriman adalah mereka hanya takut kepada Allah SWT (al-Baghawiy 1993). Pasti nya perasaan takut kepada Allah itu timbul apabila seseorang itu berilmu dan mengetahui dengan benar terhadap kebesaran Allah SWT. yang dapat diketahui melalui nama-nama dan sifat-sifat-Nya yang Maha agung yang dijelaskan di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Berfikir dengan menganalisis kejadian alam juga dapat memberi pengetahuan yang akan membawa seseorang itu mengenal kebesaran-Nya lantas menimbulkan rasa takut terhadap-Nya.

Melalui beberapa ayat yang telah dijelaskan di atas membuktikan bahawa ilmu dan kesarjanaan mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi Allah SWT. Justeru itu tidak hairanlah Islam juga mengiktiraf para sarjana yang beriman serta bertakwa sebagai waris kepada para nabi dan rasul (al-Bukhari 2000; al-Ajurriy, 1987) sepertimana yang diriwayatkan dalam hadis dari Abu al-Darda' r.a (Ibn Hajar 1986).

ETIKA KESARJANAAN MUSLIM

Etika kesarjanaan Muslim perlulah berasaskan prinsip dan dasar akhlak Islam. Ini bertujuan untuk memastikan kebenaran serta ketinggian mutu keilmuan seseorang sarjana itu. Dengan itu kesarjanaan seseorang individu akan benar-benar mengandungi nilai *barakah* atau berkat yang memberi manfaat serta menyumbang dengan jayanya dalam pembinaan tamadun. Berikut akan dijelaskan beberapa etika kesarjanaan Muslim yang perlu ada pada seseorang individu itu yang bergelar sarjana.

Niat Yang Ikhlas

Menurut Ibn Hajar (1999), seseorang sarjana itu perlu membetulkan niatnya serta memperelok akhlaknya. Niat yang ikhlas adalah syarat asasi terhadap penerimaan sesuatu amalan. Ikhlas di sini bermaksud melakukan sesuatu dengan kerana Allah sahaja. Oleh kerana mencari ilmu pengetahuan adalah satu ibadah serta memiliki kemuliaan yang tinggi, maka niat yang ikhlas kerana Allah perlu sentiasa tersemat di hati para sarjana. Hakikat ikhlas ini disebut oleh Allah dalam surah al-Bayyinah ayat 5 bermaksud:

Padahal mereka tidak disuruh kecuali supaya mengabdikan diri kepada Allah dengan mengikhhlaskan ketaatan kepada-Nya dalam (menjalankan) agama yang lurus.

Al-Bukhari (2000) pula meriwayatkan dengan sanadnya dari hadis Umar Ibn al-Khattab r.a, Rasulullah saw bersabda yang bermaksud:

Hanya sanya amalan-amalan itu dengan niat, dan bagi setiap orang amalannya itu menurut apa yang diniatkan. Maka sesiapa yang berhijrah kepada Allah dan Rasulnya, maka itu adalah kepada Allah dan Rasulnya, dan sesiapa yang berhijrah kerana untuk mendapat habuan dunia atau kerana wanita yang mahu dikahwininya maka hijrahnya itu adalah kepada apa yang dihijrahkan (iaitu apa yang diniatkan)

Al-Nasa'iy (1993) meriwayatkan dengan sanadnya, dari Abdullah Ibn 'Umar r.a, Rasulullah saw bersabda yang bermaksud:

Sesiapa yang belajar sesuatu ilmu bukan kerana Allah atau dengan niat untuk mendapat selain keredaan Allah maka dia telah menyediakan tempat duduknya dalam neraka.

Muslim (2000) meriwayatkan hadis berkenaan tiga golongan manusia yang awal dimasukkan ke dalam neraka pada hari kiamat, antara mereka adalah individu yang menuntut ilmu dan mengajar ilmu dengan tujuan supaya orang ramai memanggilnya seorang tokoh ilmuwan dan individu yang membaca al-Quran dengan tujuan supaya orang ramai memanggilnya Qari, mereka akan diseret dalam keadaan muka tersembam ke untuk dicampak ke neraka.

Dalam hadis yang lain pula dinyatakan bahawa sesiapa yang mempelajari ilmu dengan tujuan mendapat kedudukan di dunia maka individu itu tidak akan dapat mencium bau syurga pada hari kiamat. Justeru itu, sewajarnya bagi para sarjana sentiasa perlu memastikan niatnya dalam apa jua aktiviti keilmuan sama ada dalam pengajaran, penyelidikan, penulisan dan khidmat masyarakat adalah untuk kebaikan agama dan masyarakat dan bukannya untuk mendapat sanjungan dan tepukan dari manusia. Sesiapa yang melakukan sesuatu amalan dengan niat kerana Allah pastinya Tuhan akan membalas kebbaikannya di dunia dengan pelbagai ganjaran dan nikmat yang tidak disangka. Di akhirat pula, balasan syurga menanti dirinya.

Merendah Diri

Demikian juga, para sarjana dituntut untuk merendah diri serta bersikap lemah lembut dengan para ilmuwan, penuntut ilmu dan juga orang ramai. Sifat merendah diri dalam ilmu tidak menghalang seseorang itu dari memperolehnya dari individu yang lebih muda darinya. Inilah yang disebut oleh Ibn Muflih (2005) dengan merujuk kepada kata-kata Waki' Ibn Jarrah yang merupakan guru kepada al-Shafie yang bermaksud:

Seseorang itu tidak dikira berilmu sehinggalah dia mendengar ilmu dari individu yang lebih tua usia darinya, individu yang seusia dengannya dan individu yang lebih muda usia darinya.

Sifat merendah diri sesama para sarjana telah ditunjukkan oleh ilmuwan agung dari kalangan Tabi'in, antara seperti Shu'bah yang merupakan seorang tokoh besar keilmuan Islam pernah menyatakan (al-Haj 1997) bermaksud:

Sesiapa sahaja yang pernah aku mendengar hadis Rasulullah saw darinya, maka aku adalah hambanya iaitu sebagai gambaran sifat merendah diri.

Kesanggupan seseorang sarjana untuk mempelajari dan menerima ilmu dari sarjana lain yang jauh lebih muda usianya juga termasuk dalam sifat merendahkan diri. Dalam hal ini 'Umar Ibn al-Khatab menyatakan bahawa ilmu itu bukan bergantung kepada tahap usia muda seseorang mahupun usia tua, tetapi ilmu itu diletakkan oleh Allah SWT di mana yang Dia kehendaki (Ibn Muflih 2005). Menurut Waki' Ibn Jarrah pula, sarjana yang sebenar adalah mereka yang pernah menerima ilmu dari sarjana yang lebih tua usia darinya, yang sebaya dengan dirinya dan yang lebih muda darinya (Ibn Muflih 2005). Dengan kata lain, seseorang sarjana itu mestilah menimba pengalaman dalam ilmu pengetahuan dari seseorang yang jauh lebih muda darinya (Ibn Muflih 2005).

Takut Kepada Allah

Takut kepada Allah SWT juga adalah antara etika yang amat penting kepada seseorang sarjana. Sifat ini akan menjadikannya lebih ikhlas dan jujur terhadap keilmuannya. Justeru itu sarjana Muslim dari kalangan ahli hadis menyatakan bahawa tanda kesarjanaan seseorang itu adalah takut kepada Allah. Dalam hal ini Ibn Mas'ud r.a (Ibn Kathir 1988) pernah berkatan yang bermaksud:

Ilmu yang sebenar itu bukanlah dengan banyak hadith yang diriwayatkan, tetapi ilmu itu adalah membawa takut kepada Allah.

Etika ini adalah bertepatan dengan ayat al-Quran dari surah Fatir ayat 28 yang bermaksud:

Hanya yang takut kepada Allah dari kalangan hambanya adalah mereka yang berilmu.

Maksud takut dalam ayat tersebut menurut Ibn Abbas adalah seseorang yang berilmu itu tidak akan mensyirikkan Allah dengan sesuatu yang lain, mematuhi terhadap ketetapan yang halal dan yang haram termasuk juga sentiasa menilai kelemahan dan kekuatan diri (Ibn Kathir 1988). Justeru itu kesarjanaan seseorang bukan hanya dilihat kepada kepakaran dalam bidang keilmuannya semata-mata bahkan yang lebih penting adalah perlu ada perasaan takut kepada Allah SWT. Perkara ini dipersetujui oleh Ibn Mas'ud, Malik Ibn Anas, Ahmad Ibn Saleh al-Masri dan lain-lain (Ibn Kathir 1988).

Abdullah Ibn al-Mubarak juga pernah menjelaskan kepada al-Fudail Ibn 'Iyad bahawa individu yang paling banyak ilmunya sewajarnya paling tinggi perasaan takutnya kepada Allah (al-Haj 1997). Ini bererti semakin tinggi tahap

keilmuan seorang sarjana itu maka semakin tinggi tahap perasaan takutnya kepada Allah SWT. Adalah tidak wajar seseorang yang tinggi tahap keesarjanaan itu melakukan perkara-perkara yang diharamkan oleh Allah seperti hasad dengki, plagiat dan tidak amanah dalam penulisannya, menyalahgunakan kedudukannya, sombong, riyak dan lain-lain. Kerana perbuatan-perbuatan tersebut menandakan kurangnya perasaan takut kepada Allah SWT.

Kembali Berpegang Kepada Kebenaran Apabila Tersilap Langkah

Dalam dunia keilmuan pada hakikatnya tidak ada mana-mana individu yang dianggap 'paling mengetahui' atau 'paling pakar' dalam bidangnya secara mutlak. Sebagai manusia, ilmu dan kepakaran yang dimiliki hanyalah bersifat *juz'iy* iaitu mengetahui sebahagian kecil sahaja dari sejumlah ilmu yang begitu luas. Inilah yang difirmankan oleh Allah SWT dalam surah al-Kahfi ayat 109 yang bermaksud:

Katakanlah: sekiranya lautan menjadi tinta untuk (menulis) kalimat-kalimat Tuhanku, sungguh habislah lautan itu sebelum habis (ditulis) kalimat-kalimat Tuhanku, meskipun kami datangkan tambahan sebanyak itu (pula).

Hakikat ini meletakkan para sarjana itu dalam situasi kemungkinan melakukan kesilapan atau masih kurang pengetahuannya dalam bidang kepakarannya sendiri. Justeru itu, sebagai seorang sarjana, mereka perlu mengakui kekurangan dan kelemahan diri mereka sendiri dan menerima sebarang nasihat atau tunjuk ajar dari orang lain. Jika mereka tersilap, maka kesilapan itu harus diakui dan diperbetulkan. Begitu juga apabila mereka diminta memberi pendapat tentang sesuatu dalam bidangnya, jika perkara yang ditanya itu di luar pengetahuannya, maka pengakuan yang jujur mesti dinyatakan tanpa sebarang perasaan segan dan silu. Di sinilah letaknya kepentingan semangat perkongsian ilmu secara bijak.

Berhubung perkara seorang lelaki berbincang dengan Ali r.a terhadap satu perkara, Ali r.a mengemukakan pandangannya, kemudian lelaki itu berkata (al-Haj 1997):

Wahai amirul mukminin, bukan demikian seperti yang engkau katakan, tetapi yang sebenarnya adalah begini. Maka Ali r.a pun berkata yang bermaksud: Engkau benar dan aku telah tersalah dan atas setiap orang yang berilmu itu ada lagi orang yang lebih mengetahui.

Berdiam Diri dan Sikit Berkata-Berkata

Ini bermaksud seseorang sarjana itu perlu memberi pendapat dan pandangan jika perlu. Adalah tidak wajar jika berdiam diri sekiranya pendapatnya diperlukan. Di samping itu, pendapat dan pandangannya perlu dikawal sedapat mungkin untuk fokus hanya kepada persoalan yang diajukan dan elakkan dari kata-kata yang tidak berkaitan. Ini kerana kata-kata juga dikira sebagai amalan yang akan dihisab oleh Allah SWT. Justeru itu para ulama salaf pernah menjelaskan (al-Ajurriy 1987):

Sesiapa yang mengira kata-katanya sebagai amalan, nescaya seseorang itu akan sedikit berkata-kata.

Berdiam diri pada situasi yang munasabah adalah juga tuntutan agama. Ini kerana bercakap tanpa sebarang keperluan atau berkata-berkata dengan perkara yang buruk adalah sesuatu yang sia-sia, bahkan dianggap sebagai kata-kata berlebihan yang tidak mendatangkan faedah yang juga disebut sebagai *al-Fudul fi al-Kalam*. Ada ketikanya apabila seseorang berkata-kata dengan berlebihan, tanpa disengajakan ia boleh menyebabkan rasa sakit hati atau benci dari orang yang mendengarnya. Akhirnya akan menimbulkan permusuhan. Perkara ini ditegaskan oleh sabda Rasulullah saw yang bermaksud (Sahih Muslim 2000):

Sesiapa yang beriman dengan Allah dan Hari Akhirat hendaklah di berkata yang baik atau berdiam diri.

Ini juga bermakna dalam menulis atau berkarya, para sarjana perlu cermat dan teliti dalam memilih kata-kata atau perkataan di samping mengungkapkan isi dan keterangan yang diperlukan dengan mengelakkan isi kandungan yang tidak berkaitan.

Menjauhi Perdebatan Yang Tidak Bermanfaat

Para sarjana perlu menjauhkan diri dari membicarakan perkara-perkara yang remeh dan sia-sia serta tidak mempunyai nilai keilmuan, termasuk menjauhi sebarang perdebatan yang tidak bermanfaat. Lazimnya perdebatan ini akan menimbulkan perasaan yang negatif berbanding yang positif. Pihak yang kalah akan timbul dalam dirinya pelbagai perasaan seperti benci dan malu. Sementara dipihak yang menang pula akan timbul perasaan riyak dan ujub. Maymun Ibn Mihran berkata (al-Haj 1997):

Janganlah engkau berdebat dengan orang yang berilmu kerana itu akan menghilangkan ilmunya dari kamu dan jika kamu berdebat dengan orang yang jahil pula itu akan menyebabkan hatinya keras ke atas kamu.

Diriwayatkan dari Abd al-Razaq dari al-Zuhriy beliau berkata (al-Haj 1997):

Salamah berdebat dengan Ibn Abbas, maka diharamkan darinya memperoleh ilmu yang banyak.

Menurut Abu Nu'aim (al-Haj 1997), terdapat dari kalangan ahli Salaf menjelaskan bahawa apabila Allah menghendaki seseorang itu dengan kebaikan maka akan dibuka baginya pintu untuk beramal dan ditutup darinya pintu perdebatan, sebaliknya apabila dikehendaki dengan kejahatan akan dibuka baginya pintu perdebatan dan ditutup baginya pintu amalan.

Adapun perdebatan yang bersifat ilmiah dan dengan tujuan untuk mempertahankan kebenaran maka ia adalah dibenarkan bahkan berkemungkinan menjadi satu kewajipan. Debat itu sendiri pada hakikatnya adalah juga merupakan salah satu metode untuk menyebarkan ilmu. Seandainya penyebaran ilmu itu menuntut dalam konteks debat, maka ia perlu dilakukan demi untuk menyerlahkan kebenaran dengan niat kerana Allah dan melakukannya dengan penuh hikmah dan adab sopan yang tinggi. Perlu menurut kebenaran dan bukannya mengikut nafsu dan emosi semata-mata. Inilah yang difirmankan oleh Allah dalam surah al-Nahl ayat 125 yang bermaksud:

Serulah ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan nasihat yang baik dan berdiskusilah dengan mereka dengan cara yang baik.

Menjauhi Sifat Hasad

Hasad dengki adalah sifat yang dicela. Hasad dengki dapat menghapuskan amalan kebaikan sepertimana api yang membakar kayu. Hasad dengki ini juga merupakan sebab utama perbalahan yang membawa perpecahan hati di kalangan para sarjana dan ilmuwan. Perkara ini ditegaskan oleh Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 213 yang bermaksud:

Manusia itu adalah umat yang satu. (Setelah timbul perselisihan), Maka Allah mengutus para nabi, sebagai pemberi peringatan, dan Allah menurunkan bersama mereka Kitab yang benar, untuk memberi keputusan di antara manusia tentang perkara yang mereka perselisihkan. tidaklah berselisih tentang Kitab yang melainkan orang yang telah didatangkan kepada mereka kitab, yaitu setelah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang nyata, kerana dengki antara mereka sendiri. Maka Allah memberi petunjuk orang-orang yang beriman kepada kebenaran tentang hal yang mereka perselisihkan itu dengan kehendak-Nya. Dan Allah selalu memberi petunjuk orang yang dikehendaki-Nya kepada jalan yang lurus.

Allah juga menyebut dalam surah Āl-Imran ayat 19 yang bermaksud:

Sesungguhnya agama (yang diredai) di sisi Allah hanyalah Islam. tiada berselisih orang-orang yang Telah diberi Al-Kitab kecuali sesudah datang pengetahuan kepada mereka, Karena kedengkian (yang ada) di antara mereka. barang siapa yang kafir terhadap ayat-ayat Allah Maka Sesungguhnya Allah sangat cepat hisab-Nya.

Daripada ayat di atas jelas menunjukkan bahawa hasad dengki itu membawa perpecahan. Tidak dinafikan di sana wujudnya peranan syaitan untuk saling memperlagakan dan menimbulkan permusuhan melalui hasutannya. Ditambahi setiap orang merasakan dirinya lebih bijak dari yang lain. Apabila timbul perasaan seperi ini, maka ini akan menimbulkan hasad dengki. Bentuk hasad dengki dapat dilihat dalam pelbagai rupa, seperti memfitnah, menyebarkan keaiban, memperlakah sehingga ke tahap menyihir seseorang itu.

Sebagai sarjana, mereka hendaklah ingat bahawa ilmu dan kelebihan serta rezeki itu datang dari Allah SWT. Sememangnya setiap individu berbeza dari yang lain. Pada masa yang sama setiap sarjana perlu sedar bahawa kurniaan mereka iaitu juga merupakan satu ujian dari Allah, untuk melihat apakah mereka bersyukur terhadap pemberian itu atau sebaliknya.

Zuhud

Zuhud bukan bermaksud seseorang itu mengabaikan keperluan hidupnya tetapi ia bermaksud mengawal diri dari dikuasai oleh perasaan tamak terhadap material. Walaupun dirinya seorang yang kaya, tetapi kekayaan yang dimilikinya itu tidak menjadi kekangan dan halangan untuk melakukan kebajikan di samping menggunakan hartanya secara berhemah dan mengikut keperluan dan keutamaan.

Imam Ahmad melihat zuhud itu terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu zuhud dalam erti kata meninggalkan perkara-perkara yang haram, kedua tidak berlebih-lebihan dalam perkara yang halal, ketiga, mengetepikan perkara-perkara yang dapat menghalang dirinya dari mendekat diri kepada Allah. Antara contoh para sarjana Islam yang bersifat zuhud ini adalah seperti Ali Abu Bakr al-Siddiq, Umar Ibn Al-Khattab, Ali Ibn Abi Talib, Abdul Rahman Ibn 'Auf dan lain. Walaupun mereka terkenal dengan memiliki kekayaan, namun mereka menggunakan kekayaan tersebut dengan cara yang betul dan berhemah (al-Haj 1997).

Berkata Benar

Berkata benar adalah satu amanah dalam ilmu. Dalam perkara ini para sarjana dituntut untuk berkata dan menjelaskan perkara yang diketahui. Seandainya

seseorang sarjana itu dikemukakan dengan sesuatu persoalan sedangkan dirinya tidak mengetahui tentang persoalan tersebut maka hendaklah dengan berani untuk menyatakan 'saya tidak mengetahui tentang perkara tersebut'. Adalah salah jika sekiranya seseorang sarjana itu cuba memberi pendapat dan pandangan yang tidak diketahuinya demi untuk menjaga maruah dan kedudukan intelektualnya semata-mata.

Perlu ada kesedaran dalam dirinya bahawa ilmu itu terlalu luas sifatnya dan tidak mungkin menguasainya secara keseluruhan. Juga perlu diketahui, tidak ada individu yang disifatkan paling mengetahui tentang sesuatu perkara secara mutlak. Sebaliknya penguasaan seseorang dalam ilmu adalah berbeza-beza seperti mana berbezanya tahap kebijaksanaan seseorang. Justeru itulah Allah berfirman dalam surah Yusuf ayat 76 yang bermaksud:

Dan di atas setiap orang yang mengetahui itu terdapat lagi yang lebih mengetahui.

Dalam mentafsirkan ayat ini, Ibn Abbas dengan jelas memperakui tahap perbezaan ilmu antara individu, seseorang yang dianggap berilmu pastinya ada individu lain yang lebih berilmu darinya dan hanya Allah sebagai Yang Maha Mengetahui (Ibn Kathir 1988). Pandangan Ibn Abbas ini diperakui oleh Ikrimah, Qatadah, al-Hassan al-Basriy dan lain-lain (Ibn Kathir 1988). Hakikat ini membuktikan bahawa ilmu yang dimiliki oleh manusia itu hanyalah amat sedikit sekali berbanding dengan khazanah ilmu itu sendiri ibarat lautan luas yang tidak bertepi. Kenyataan ini disebut oleh Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 85 yang bermaksud:

Dan tidaklah kamu diberi ilmu melainkan sedikit sekali.

Justeru itu, para sarjana harus mengakui realiti ini dan tidak perlu ada perasaan malu untuk berkata benar dalam perkara yang tidak diketahuinya. Ini juga bermaksud para sarjana perlu mengamalkan konsep perkongsian ilmu dan kepakaran di antara sesama mereka. Termasuk dalam maksud ini adalah berani mengakui kesilapan dan kesalahan apabila dikritik oleh individu lain. Dalam perkara ini Muhammad Ibn Ka'b al-Qaraziy meriwayatkan bahawa seorang lelaki bertanya Ali Ibn Abi Talib r.a tentang satu masalah, lalu Ali r.a memberi pendapatnya. Setelah itu lelaki itu berkata (al-Haj 1997):

Bukan demikian wahai amirul mukminin, tetapi yang sebenarnya adalah begini, maka Ali r.a berkata kepadanya: Engkau betul dan saya salah dan di atas setiap orang yang tahu itu ada lagi yang lebih mengetahui.

Termasuk dalam aspek berkata benar adalah tidak menyembunyikan kebenaran yang diketahuinya. Terdapat dua implikasi apabila seseorang sarjana

itu memberi pendapat dalam perkara yang tidak diketahuinya. Pertama, barangkali dengan pendapatnya yang salah itu akan menimbulkan berbagai-bagai perkara buruk. Misalnya seorang doktor pakar diminta pendapatnya tentang penyakit yang dihadapi seseorang, sedangkan beliau kurang pengetahuan tentang penyakit itu, tetapi demi menjaga status dirinya maka beliau memberi pandangannya, akibatnya penyakit tersebut semakin buruk dan akhirnya membawa kematian. Kedua, menyesatkan orang lain, umpamanya seorang pakar agama ditanya tentang sesuatu fatwa, sedangkan beliau tidak mengetahuinya dengan baik, tetapi untuk menjaga status dirinya sebagai seorang pakar rujuk, beliau memberi fatwanya yang barangkali salah, akibatnya beliau telah menjelaskan sesuatu yang salah untuk diikuti oleh orang lain.

Justeru itu, para sarjana amat perlu memohon kepada Allah agar ilmu pengetahuannya diberkati. Perlu juga bermohon kepada-Nya agar dirinya menjadi orang yang sentiasa merendah diri dan menerima sebarang teguran dan nasihat. Para sarjana juga perlu sedar bahawa ilmu pengetahuan adalah yang dimilikinya adalah salah satu dari empat perkara yang akan disoal oleh Allah di akhirat tentang bagaimana cara dimanfaatkan.

Sentiasa Dalam Keadaan Kemas Dan Rapi Serta Berwuduk

Seseorang sarjana perlu mempunyai gaya penampilan diri yang sesuai dengan tuntutan Islam. Antaranya seperti berpakaian menutup kemas dan rapi serta perlu berusaha sedaya upaya berada dalam keadaan berwuduk. Ibn Salah (2001) meriwayatkan dengan sanadnya sehingga sampai kepada Isma' il Ibn Abi 'Uwais. Berhubung etika Imam Malik Ibn Anas, apabila beliau ingin menyampaikan sesuatu hadis di majlisnya, Imam Malik terlebih dahulu akan berwuduk, menyisir janggutnya dengan kemas serta akan duduk dalam keadaan sopan dan berhemah.

Diriwayatkan juga, beliau akan mandi, mengasapkan wangian serta memakai wangi-wangian (Ibn Salah 2001). Etika berwuduk dan berada dalam majlis dalam keadaan berkarisma atau berhemah ini juga turut diakui oleh Ibn Hajar (1999).

Berdoa

Memulakan sesi pembicaraan dan menyudahinya dengan doa yang sesuai (Ibn Salah 2001). Ini bertujuan untuk mendapat berkat dari majlis ilmu yang diadakan. Dalam perkara ini, para sarjana boleh meminta setiap pelajar berdoa untuk diri masing-masing sebelum setiap sesi kuliah dimulakan.

Begitu juga setelah sesi kuliah selesai, ia juga boleh disudahi dengan doa dan harapan. Kerana pastinya para sarjana mengharapkan ilmu yang disampaikan

itu dapat dihayati dan seterusnya membaca perubahan positif kepada setiap diri pelajar. Dalam pada itu para sarjana perlu sentiasa mendoakan taufik dan hidayah kepada pelajarnya serta mengharapkan semoga mereka beroleh kejayaan dalam ilmu dan kehidupannya.

Bercakap Dengan Menghadap Kepada Hadirin

Menurut Habib Ibn Abi Thabit, adalah menjadi amalan sunnah apabila seseorang itu menyampaikan sesuatu kepada kumpulan tertentu, dia menghadap mereka semuanya (Ibn Salah 2001). Ini bertujuan untuk memastikan isi kandungan ilmu dapat disampaikan dengan jelas kepada para pelajar dengan berkesan.

Tidak Terlalu Memanjangkan Pengajaran

Pengajaran yang terlalu panjang akan menimbulkan perasaan jemu terhadap pelajar. Dalam hubungan ini Abdullah Ibn Mas'ud menyatakan bahawa Rasulullah saw berselang seli dalam beberapa hari memberikan kepada mereka peringatan (ilmu) kerana bimbang akan merasa jemu. Abu Wa'il pula meriwayatkan bahawa Abdullah Ibn Mas'ud memberi pengajarannya pada setiap hari Khamis, lalu salah seorang hadirin berkata:

Wahai Abu Abd al-Rahman, aku suka jika engkau dapat memberikan kami ilmu pada setiap hari. Dia berkata: Adapun sebab yang menghalang aku dari melakukan demikian itu adalah kerana aku takut akan menjemukan kamu, aku melakukan secara berselang seli dalam memberi ilmu ini adalah sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah saw dalam memberi ilmu kepada kami.

Ibn Hajar dalam mengulas kenyataan tersebut menyatakan bahawa adalah disunatkan untuk tidak melakukan sesuatu amalan itu secara terus menerus kerana dibimbangkan akan timbul rasa jemu walaupun diketahui bahawa bersifat konsisten itu adalah sesuatu yang dituntut, walaupun demikian seandainya pengajaran itu mahu dilaksanakan juga setiap hari maka perlu dipastikan ia tidak akan membebankan, ataupun boleh juga dilakukan berselang seli antara satu hari. Ini bertujuan untuk memberi sedikit kerehatan dan juga untuk menambahkan rasa cergas. Namun perkara ini semua bergantung kepada keadaan seseorang.

Menggunakan Intonasi Suara Yang Sesuai

Penggunaan nada suara yang sesuai adalah penting untuk menarik perhatian para pelajar. Ini terutamanya dalam memberi penjelasan dan penegasan terhadap isi-isi yang penting. Dalam hubungan ini Rasulullah saw apabila menyampaikan khutbah dalam menyentuh tentang hari kiamat, matanya akan menjadi merah, beliau meninggikan suaranya. Juga adalah dibolehkan para sarjana menegur

atau menunjukkan perasaan marahnya dengan intonasi suara yang sesuai apabila didapati perkara-perkara yang tidak menyenangkan berlaku. Dalam hal ini al-Bukhari (2000) telah menulis satu bab yang berjudul 'Marah dalam memberi peringatan dan pengajaran apabila melihat sesuatu yang dibencinya'.

Menyampaikan ilmu sesuai dengan tahap pemikiran pelajar

Para sarjana perlu mengetahui latar belakang dan tahap pemikiran pelajarannya. Ini bertujuan untuk memastikan ilmu tersebut sesuai dan dapat difahami dan diterima dengan baik. Dalam erti kata lain memberikan sesuatu ilmu menurut keperluan dan tahap pemikiran. Dalam hubungan ini al-Bukhari (2000), menulis dalam kitab bab yang berjudul: 'mengkhususkan sesuatu ilmu untuk segolongan tertentu dengan tidak melibatkan golongan lain kerana dibimbangkan mereka tidak akan memahaminya'. Al-Bukhari meriwayatkan bahawa Ali r.a berkata:

Bercakaplah dengan manusia akan apa yang mereka dapat memahaminya, apakah engkau suka sekiranya mereka mendustai Allah dan Rasul-Nya (iaitu kerana salah faham atau ilmu tersebut tidak sampai tahap kefahaman mereka).

Apabila seseorang sarjana menyampaikan sesuatu yang tidak sesuai dengan tahap pemikiran pelajarannya maka ini akan membawa salah faham dan keliru dalam ilmu tersebut. Hal yang sama juga perlu diambil kira dalam menulis sesuatu perkara. Para sarjana perlu mengambil kira golongan sasaran yang akan membacanya dengan menyatakan dengan jelas untuk golongan mana ditujukan. Adakah untuk awam, pelajar atau untuk para sarjana.

KESIMPULAN

Etika kesarjanaan begitu dititik beratkan oleh Islam. Bukti kepentingan perkara ini dapat dilihat menerusi penulisan-penulisan para sarjana awal Islam khususnya dari kalangan ahli hadis. Amalan etika ini amat penting dengan tujuan untuk memastikan isi kandungan ilmu pengetahuan yang benar itu dapat disampaikan dan difahami dengan baik dan amanah. Terdapat banyak etika kesarjanaan yang diberi penekanan oleh Islam, ini adalah bersesuaian dengan ajaran Islam itu sendiri yang berasaskan ilmu dalam bentuk wahyu dari Allah dan juga sebagai agama yang mewajibkan dan menggalakkan umatnya menuntut dan menyampaikan ilmu.

RUJUKAN

- al-Ajurriy, Abu Bakr Muhammad ibn al-Husain. 1987. *Akhlaq al-Ulama'*. Mekah: Maktabah al-Thaqafah.
- al-Baghdadiy, Abdul al-Qahir Ibn Tahir. t.th. *al-Farq Bain al-Firaq*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Bukhariy, Muhammad Ibn Ismail. 2000. *Sahih al-Bukhari*. Riyad: Dar al-Salam.
- al-Baghawiy, Abu Muhammad al-Hassan Ibn Mas'ud al-Farra. 1993. *Ma'alim al-Tanzil*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Baghdadiy, Al-Khatib Ahmad Ibn Ali Ibn Thabit. 1983. *al-Jami' Li Akhlaq al-Rawiy wa Adab al-Sami'*. Riyad: Maktabah al-Ma'arif.
- _____.2000. *al-Faqih wa al-Mutafaqqih*. Arab Saudi: Dar Ibn Jauziy.
- _____. 1975. *al-Rihlah fi Talab al-Hadith*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Collins, Cobuild. 2009. *Advanced Dictionary*. Great Britain: Harper Collins Publisher.
- al-Hajj, al-Amin Muhammad Ahmad. 1997. *al-'Ilm*. Jeddah: Dar al-Matbu'ah al-Hadthisah.
- Ibn Salah, al-Hafiz Abu 'Amr Uthman Ibn Abdul Rahman. 2001. *Muqaddimah Ibn al-Salah Fi 'Ulum al-Hadith*. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyah.
- Ibn Hajar al-Asqalaniy, al-Hafiz Ahmad Ibn Ali. 1999. *Nuzhat al-Nazar Fi Taudih Nukhbati al-Fikr fi Mustalah Ahl al-Athar*. Jordan, Amman: Dar Ammar.
- Ibn Abd al-Bar, Abu Umar Yusuf Ibn Abdillah. 1994. *Jami' Bayan al-Ilm wa Fuduh*. Dammam: Dar Ibn al-Jauziy.
- Ibn Muflih, Abu Abdullah Mohammad Ibn Muflih al-Maqdisiy. 2005. *al-Adab al-Shar'iyah wa al-Manh al-Mar'iyah*. Beirut :Dar Ibn Hazm.
- Ibn Hajar, Ahmad Ibn Ali. 1986. *Fath al-Bariy Bi Sharh Sahih al-Bukhariy*. Beirut: Dar al-Diyah li al-Turath.
- _____. 1999. *Nuzhat al-Nazar Fi Taudih Nukhbat al-Fikr Fi Mustalah Ahl al-Athar*. Jordan, Amman: Dar Ammar.

- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il Ibn Umar. 1999. *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Arab Saudi: Dar al-Tayyibah.
- Ibrahim Mustafa, Ahmad al-Zayyat, Hamid Abdul Qadir & Muhammad Ali al-Najjar. (t.th). *al-Mu'jam al-Wasit*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Nawawiy. t.th. *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawiy*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Nasa'iy, Ahmad Ibn Syu'aib. 1993. *Kitab al-'Ilm*. Maryland: IIIT.
- al-Qurtubiy. 2002. *al-Jami' Li Ahkam al-Quran*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabiy.
- al-Shawkani, Muhammad Ibn Ali. 1995. *Fath al-Qadir al-Jami' Bayn Fanniya al-Riwayah wa al-Dirayah Min 'Ilm al-Tafsir*. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah.
- al-Siba'iy, Mustafa Hasaniy. 1985. *al-Sunnah Wa Makanatuha Fi al-Tashri' al-Islamiy*. Beirut: al-Maktabah al-Islamiy.
- al-Tirmidhi, Muhammad Ibn Isa. 2000. *Jami' al-Tirmidhiy*. Riyad: Dar al-Salam.